

KSSM wajar diteruskan walaupun UPSR 2016 merosot

KUALA LUMPUR 6 Jan. - Pelaksanaan Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM) yang bermula pada sesi persekolahan tahun ini bagi menggantikan Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) wajar diteruskan walaupun keputusan Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR) 2016 disifatkan sebagai merosot.

Felo Utama Institut Islam Hadhari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Prof. Datuk Dr. Abdul Halim Tamuri berkata, sistem pendidikan perlu berubah kepada yang lebih baik dan Kementerian Pendidikan perlu meneruskan KSSM

dengan memberikan penekanan menyeluruh kepada penglibatan semua pihak terutama ibu bapa pelajar bagi menjayakan sistem ini.

“Walaupun keputusan UPSR baru-baru ini menimbulkan kejut dan kemarahan ibu bapa dan ada yang menganggap sistem kita telah gagal, namun sebenarnya kita ke arah supaya tidak lagi menilai kejayaan seseorang pelajar itu berdasarkan berapa banyak gred A yang mereka dapat tetapi penilaian keseluruhan secara holistik.

“Ini membawa kepada KSSM yang akan memberi penekanan kepada penguasaan kemahiran

abad ke-21 seperti pemikiran kritis dan inovatif,” katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas menyampaikan syarahan Wacana Hadhari Siri 1/2017 yang bertajuk *Guru Berjiwa Besar Murabbi* anjuran Institut Islam Hadhari UKM di Bangunan Canselori, UKM Bangi, dekat sini hari ini.

Abdul Halim yang juga Rektor Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS) berkata, pihak kementerian perlu mengadakan lebih banyak siri jelajah di seluruh negara bagi memberi penerangan mengenai KSSM.